

Sunway Construction peroleh kontrak MRT bernilai RM52.51 juta

BERNAMA, SEP 28, 2016 · 10:25 AM



Gambar fail The Star

KUALA LUMPUR: Sunway Construction Sdn Bhd, anak syarikat Sunway Construction Group Bhd telah memperolehi kontrak RM52.51 juta daripada MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd untuk kerja-kerja berkaitan projek Transit Aliran Massa (MRT) Laluan 2.

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia pada hari Selasa, Sunway Construction berkata, kontrak itu adalah untuk kerja pembinaan laluan jejambat dan kerja berkaitan yang dijangka siap pada September tahun depan.

Kumpulan itu berkata, ia juga telah menerima surat hasrat daripada Sunway Iskandar Sdn Bhd, anak syarikat Sunway Bhd, untuk projek di Medini Iskandar, Johor bernilai RM156.5 juta.

"Projek itu merangkumi pembinaan 88 unit lot kedai, sebuah masjid, satu pejabat pengurusan, satu blok penyimpanan sampah, dua substesen Tenaga Nasional Bhd serta kemudahan berkaitan dengan tempoh siap 20 bulan.

Opteck

Binary Options

"Kedua-dua kontrak dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan kumpulan mulai tahun kewangan ini," katanya.